

D.R. 33/98

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 10B

2. Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 [*Akta 9*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 10B—

(a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Pengurus Besar" dengan perkataan "Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan Pengurus Besar ialah Jawatankuasa Tatatertib yang";

(b) dengan menggantikan subseksyen (8) dan (9) dengan subseksyen yang berikut:

"(8) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 10D.

(9) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (3) boleh dirayukan kepada Menteri."; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

"(10) Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

(11) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri di bawah subseksyen (10) adalah muktamad dan konklusif."

Seksyen baru 10D dan 10E

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10c seksyen yang berikut:

“Penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib, 10D. (1) Maka hendaklah ada suatu Lembaga Rayuan Tatatertib Bank yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

(a) Pengerusi, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu dan hendaklah mempunyai undi pemutus; dan

(b) tiga orang ahli Lembaga, yang bukan ahli Jawatankuasa Tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah seksyen 10B, seseorang ahli Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga ahli Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubung dengan rayuan itu.

Penamatan
demi
kepentinga
awam.

10E. (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai atau pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh meminta laporan penuh daripada pegawai atasan pegawai atau pekerja yang terhadapnya representasi itu dibuat yang hendaklah mengandungi butir-butir berhubung dengan kerja dan kelakuan pegawai atau pekerja itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan laporan yang diterima di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa, setelah mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kebergunaan pegawai atau pekerja itu, kerja dan kelakuan pegawai atau pekerja itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai atau pekerja itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(3) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pegawai atau pekerja ditamatkan demi kepentingan awam walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah Akta ini dan Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai atau pekerja itu sedemikian.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, dalam menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau pekerja demi kepentingan awam di bawah seksyen ini, pegawai atau pekerja itu tidak perlu diberi apa-apa peluang untuk didengar dan seseorang pegawai atau pekerja yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam

Rang Undang-Undang

di bawah seksyen ini tidak boleh dianggap telah dibuang kerja, tanpa mengira sama ada penamatan perkhidmatan pegawai atau pekerja itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan kelakuan yang berhubungan dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga tak memuaskan atau patut disalahkan."

Pindaan seksyen 38A

4. Seksyen 38A Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib, memberi orang yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh Jawatankuasa Tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:

- (a) jika seseorang pegawai atau pekerja Bank dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- (b) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak subseksyen ini; atau
- (c) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau pekerja Bank apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap seseorang pegawai atau pekerja Bank apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya, di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan

Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mengadakan peruntukan mengenai prosedur bagi pendengaran rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

(6) Bagi maksud seksyen ini, "pegawai" termasuklah Pengurus Besar."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 ("Akta 9").

2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara permulaan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 10B Akta 9 untuk mengadakan peruntukan mengenai rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10D ke dalam Akta 9 untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib. *Fasal 3* juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10E untuk mengadakan peruntukan bagi penamatan perkhidmatan pegawai atau pekerja Bank demi kepentingan awam.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 38A Akta 9 bagi memperuntukkan bahawa dalam hal keadaan tertentu pejuang untuk membuat representasi tidak perlu diberikan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.